**Publication: Berita Harian**
**Date: Friday, March 17, 2006**

# Mihas dijangka jana jualan RM250j

PAMERAN Perdagangan Antarabangsa Halal Malaysia (Mihas) 2006 yang akan berlangsung pada 10 hingga 14 Mei depan, dijangka menjana jualan RM250 juta berbanding RM217.1 juta tahun lalu.

Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Datuk Mohd Nakhaie Ahmad, berkata unjuran itu berdasarkan nilai janji niaga menerusi sesi pertemuan jalinan rantaian perniagaan dan pelaburan yang bakal dijana di pameran itu.

Katanya, pameran yang menghimpunkan pengusaha produk halal tempatan dan luar negara itu dijangka lebih baik berbanding tahun lalu.

"Setakat ini 360 syarikat dari lapan negara telah mengesahkan penyertaan dan menempah gerai pameran.

"Kami menjangkakan 500 gerai akan ditempah dan lebih 20 negara akan menyertai Mihas 2006 iaitu tempat terbaik untuk mempromosikan produk halal, selain medan pertemuan antara pengeluar dan pembeli," katanya kepada pemberita selepas perasmian Mihas 2006 oleh Menteri Miti, Datuk Seri Rafidah Aziz, di Kuala Lumpur, semalam.

Yadim adalah salah satu daripada penganjur utama Mihas 2006 selain Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan Kementerian Usahawan dan Pembangunan Koperasi.

Rafidah semalam turut merasmikan Forum Halal Sedunia yang akan berlangsung pada 8 hingga 10 Mei ini di Hotel Crowne Plaza Mutiara.

Mohd Nakhaie berkata, negara yang mengesahkan penyertaan di Mihas 2006 termasuk Iran, Thailand, Indonesia, India, Amerika Syarikat dan Belanda yang akan menyertai pameran di Pusat Pameran Mines, Kuala Lumpur.

Tahun lalu, Mihas 2005 yang berlangsung pada 28 hingga 31 Julai di lokasi sama, disertai 332 syarikat dari 18 negara membabitkan 426 gerai pameran.

Pameran tahun lalu menerima kunjungan 12,431 orang pengunjung awam dan 8,204 pembeli.

> "Kita mahu belajar daripada syarikat yang ada reputasi tinggi dan menjadi pengeluar utama industri halal walaupun terdiri daripada kalangan bukan Islam"
>
> **Khairy Jamaluddin**
> *Pengerusi Forum Halal Sedunia*

Sementara itu, Pengerusi Forum Halal Sedunia, Khairy Jamaluddin, berkata penganjuran forum itu akan membuka laluan kepada lebih banyak perkongsian pengetahuan mengenai pengeluaran makanan halal daripada syarikat gergasi dunia.

Antaranya, termasuk Nestle dan LSG Skychefs serta Port of Rotterdam dari Belanda yang telah membangunkan pusat halal di negara berkenaan yang menjadi pintu masuk produk halal ke Kesatuan Eropah (EU).

"Kita mahu belajar daripada syarikat yang mempunyai reputasi tinggi dan menjadi pengeluar utama industri halal walaupun mereka terdiri daripada kalangan bukan Islam.

"Mereka mempunyai banyak pengalaman untuk dikongsi bersama dan kita kagum kejayaan mereka membina syarikat besar yang menawarkan jenama global seperti dari Australia, New Zealand, Brazil dan India," katanya.